

KESUMBA Terus Maju Ke Hadapan

Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (Kesumba) mengorak satu lagi langkah ke hadapan apabila bangunan pentadbirannya yang dirasmikan pada 12 Mac 2005.

Bangunan tersebut, yang dikenali sebagai "Teratak Kesumba" telah dirasmikan oleh Yang di-Pertua (YDP) Kesumba, Puan Sri Datin Seri Panglima Hjh. Jamilah Sudin, isteri kepada Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman.

Dalam ucapan beliau, Puan Sri YDP berkata siapnya pembinaan bangunan pentadbiran Kesumba merupakan satu kejayaan bagi badan bukan kerajaan (NGO) itu, yang pada permulaan per-tubuhannya hanya merupakan satu badan amal yang kecil.

"Dengan adanya bangunan pentadbiran ini, Kesumba telah menjadi satu NGO yang disegani dan dihormati serta mampu menjalankan lebih banyak lagi aktiviti dengan lancar," kata beliau.

Menurut Puan Sri YDP, ide bangunan pentadbiran dan akitiviti itu telah dilahirkan pada tahun 2002 oleh Tan Sri, yang juga merupakan Penaung Kesumba.

Kerja-kerja pembinaan bangunan, yang luasnya 5,530 kaki persegi dan di atas sebidang tanah seluas 1.3 ekar, bermula pada Julai 2003 dan siap pada Mac tahun ini.

Puan Sri YDP juga mengucapkan terima kasih kepada pelbagai pihak kerajaan dan swasta atas bantuan dana dan bahan yang telah diberikan untuk menyiapkan bangunan tersebut.

Aktiviti pertama yang diadakan dalam bangunan itu ialah



RASMI... Yang diPertua KESUMBA Puan Sri Hajah Jamilah Sudin ketika merasmikan "Teratak Kesumba" sambil disaksikan oleh Naib Canselor pertama UMS, Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan Othman.

Mesyuarat Agung Tahunan Kesumba yang ke-8, sejurus selepas bangunan baru itu dirasmikan.

Kesumba telah ditubuhkan pada 19 Oktober 1996 dan didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan pada April 1998. Sejak penubuhan badan itu, terdapat 91 ahli yang berdaftar. Jumlah ini meningkat kepada 240 ahli pada hujung tahun lepas.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Dekan-Dekan, Ketua-Ketua dan Pengarah-Pengarah Jabatan, Pusat dan Unit, serta lebih kurang 300 orang ahli Kesumba.